

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN OLAHRAGA
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI & WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan Am Sukan Sabah, Peraturan Pertandingan Kejohanan dan undang-undang **Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM)** yang sedang berkuatkuasa.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **undang-undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM)**.

2.0 TARikh PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **12 Oktober 2025**.
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada : **13 hingga 16 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Stadium Utama, Kompleks Sukan Tawau**.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua daerah penuh.
- 4.2 Setiap daerah hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada berikut:

Jawatan	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan		1
Jurulatih	3	3
Peserta	40 orang	40 orang
Jumlah	87 orang	

- 4.2.1 Setiap peserta hanya boleh didaftar untuk menyertai **tiga (3) acara perseorangan** dan **dua (2) acara berpasukan**.
- 4.2.2 Bagi peserta yang dibenarkan bertanding mengikut Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI (**4.9.1**), peserta boleh menyertai lebih dari satu **(1) acara perseorangan** dan **dua (2) acara berpasukan** seperti disyaratkan dalam peraturan (**4.9.1.2**)

4.2.3 Setiap Pasukan dibenarkan menyenaraikan hanya **dua (2) orang peserta bagi acara perseorangan** dan **satu (1) pasukan bagi acara berpasukan**.

4.2.4 Peserta yang hanya menyertai acara relay sahaja juga wajib didaftarkan.

5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

5.1 **Hanya peserta yang lahir pada tahun 2005 hingga 2010 sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.**

5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.

5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.

5.0 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.

5.0 **Jurulatih Olahraga setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan. **hari pertama dijalankan, jam 10.00 pagi**. Tarikh dan tempat akan ditetapkan kemudian. **Semasa mesyuarat ini hanya penarikan diri peserta sahaja dibenarkan**.

6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta berserta dengan Kad Pengenalan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan**.

6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah **muktamad**. Selepas itu tidak dibenarkan sebarang perubahan.

7.0 ACARA-ACARA

- 7.1 Pertandingan ini terbahagi kepada acara-acara seperti berikut:

Bil	Kategori Lelaki	Kategori Wanita	
		Acara Balapan	
1	100m		100m
2	200m		200m
3	400m		400m
4	800m		800m
5	1500m		1500m
6	3000m Lari Berhalangan	3000m Lari Berhalangan	
7	5000m		5000m
8	110m Lari Berpagar [1.067m]	100m Lari Berpagar [0.838m]	
9	400m Lari Berpagar [0.914m]	400m Lari Berpagar [0.762m]	
10	4 x 100m Lari Berganti	4 x 100m Lari Berganti	
11	4 x 400m Lari Berganti	4 x 400m Lari Berganti	
Acara Padang			
1	Lompat Tinggi	Lompat Tinggi	
2	Lompat Jauh	Lompat Jauh	
3	Lompat Kijang	Lompat Kijang	
4	Lontar Peluru [7.260kg]	Lontar Peluru [4.00kg]	
5	Lempar Cakera [2.00kg]	Lempar Cakera [1.00kg]	
6	Merejam Lembing [800gm]	Merejam Lembing [600gm]	

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Bagi ketinggian pagar dalam acara Berpagar lelaki/wanita akan menggunakan had ketinggian seperti yang digunakan dalam mana-mana pertandingan senior.
- 8.2 Bagi berat alat-alatan sukan seperti Peluru, Cakera dan Lembing Lelaki/Wanita juga akan menggunakan kategori berat yang digunakan dalam mana-mana pertandingan senior.
- 8.3 Ketinggian dalam acara Lompat Tinggi lelaki/wanita adalah seperti berikut:

8.3.1 Lompat Tinggi Lelaki:

Untuk latihan, ketinggian palang adalah 1.65 meter. Untuk pertandingan ketinggian palang akan bermula 1.70 meter yang kemudiannya dinaikkan seperti berikut : **1.70m, 1.75m, 1.80m, 1.85m, 1.89m, 1.93m, 1.97m, 2.0m, 2.03m, 2.06m, 2.08m, 2.10m**

8.2.2 Lompat Tinggi Wanita:

Untuk latihan, ketinggian palang adalah 1.35 meter. Untuk pertandingan ketinggian palang akan bermula pada 1.40 meter yang kemudiannya akan dinaikkan seperti berikut:

1.40m, 1.45m, 1.50m, 1.55m, 1.59m, 1.63m, 1.67m, 1.70m, 1.73m, 1.76m, 1.78m, 1.80m, 1.82m

9.0 PAPAN LONJAK ACARA LOMPAT KIJANG

- 9.1 Jarak papan lonjak dari kawasan mendarat bagi acara Lompat Kijang adalah seperti berikut:

Lelaki	13 Meter
Perempuan	9 Meter

10.0 MASA MELAPORKAN DIRI

- 10.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 30 minit bagi acara balapan dan 45 minit bagi acara padang, sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung.
- 10.2 Peserta-peserta **tidak dibenarkan** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan.
- 10.3 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka **tidak akan dibuat**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan Hakim bilik panggilan. Hebahan hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejohanan.
- 10.4 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing.
- 10.5 Peserta akan diiring masuk ke arena pertandingan seperti ketetapan berikut :
- 10.5.1 Acara balapan : 15 minit acara dijadualkan berlangsung.
 - 10.5.2 Acara Padang : 35 minit sebelum acara dijadualkan berlangsung.

- 10.6 Peserta yang telah melapor diri tetapi tidak berada dalam bilik panggilan selepas namanya atau nombor bibnya dipanggil untuk berbaris keluar 15 minit untuk acara balapan dan 35 minit untuk acara padang **tidak akan dibenarkan** mengambil bahagian dalam acara tersebut dan dianggap gagal bertanding (TR4.4) dan telah menarik diri.

11.0 PEMBENTUKAN/彭GGANTIAN

- 11.1 Bagi acara Lari Berganti-ganti, komposisi pasukan boleh dibentuk daripada senarai peserta yang telah didaftarkan dalam borang pendaftaran rasmi pasukan sahaja. Walaubagaimanapun, sebaik sahaja pasukan telah mula bertanding, hanya dua (2) orang atlet tambahan boleh digunakan sebagai pengganti dalam komposisi pasukan tersebut. Komposisi dan susunan larian empat (4) orang atlet termasuk dua (2) pengganti hendaklah diistiharkan secara rasmi tidak lewat daripada satu jam sebelum masa panggilan saringan pertama setiap pusingan menggunakan borang rasmi lari berganti- ganti yang disediakan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 11.2 Seseorang peserta (berdaftar) yang diterima sebagai pengganti dibenarkan mengambil bahagian dalam acara-acara yang telah didaftarkan oleh peserta yang menarik diri dan hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.

12.0 PEMBATALAN/GAGAL BERTANDING

- 12.1 Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan semasa Taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, kecuali jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 12.2 Semua peserta yang telah melayakkan diri dari pusingan awal ke pusingan berikutnya, tidak dibenarkan menarik diri daripada menyertai acara tersebut.
- 12.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 12.4 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejohanan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan sihat/cergas daripada Pegawai Perubatan Kejohanan kepada Pengurus Kejohanan/bilik panggilan.

13.0 PENYERTAAN SERENTAK

- 13.1 Mana-mana atlet yang terlibat dalam penyertaan serentak akan diselesaikan oleh referi berkenaan menurut peraturan (TR4.3).

14.0 ABJAD/NOMBOR PESERTA

- 14.1 Peserta tidak dibenarkan bertanding melainkan mereka memakai **abjad/nombor** yang ditentukan di hadapan dan di belakang badan. Hanya peserta-peserta Lompat Tinggi sahaja dibenarkan memakai satu nombor.

15.0 PERALATAN

- 15.1 Semua alat pertandingan termasuk Blok Permulaan (*Starting Block*) akan disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

16.0 SARINGAN

16.1 **Tujuh (7) Saringan**

Hanya tiga (3) peserta dari setiap saringan (Q) dan enam (6) lagi peserta yang mencatat masa terbaik (q) dari ketujuh-tujuh larian adalah layak memasuki peringkat Separuh Akhir.

16.2 **Enam (6) Saringan**

Hanya tiga (3) peserta dari setiap saringan (Q) dan enam (6) lagi peserta yang mencatat masa terbaik (q) dari keenam-enam larian layak memasuki peringkat Separuh Akhir.

16.3 **Lima (5) Saringan**

Hanya empat (4) peserta dari setiap saringan (Q) dan empat (4) lagi peserta yang mencatat masa terbaik (q) dari kelima-lima saringan layak memasuki peringkat Separuh Akhir.

16.4 **Empat (4) Separuh Akhir**

Hanya satu (1) peserta (Pemenang) dari setiap saringan (Q) dan empat (4) lagi peserta yang mencatatkan masa yang terbaik (q) dari keempat-empat saringan layak memasuki peringkat Akhir.

16.5 **Tiga (3) Separuh Akhir**

Hanya dua (2) peserta (pemenang pertama dan kedua Q) dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa yang terbaik (q) dari ketiga-tiga Separuh Akhir adalah layak memasuki peringkat Akhir.

16.6 **Dua (2) Separuh Akhir**

Hanya tiga (3) peserta (pemenang pertama, kedua dan ketiga Q) dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa yang terbaik (q) dari kedua-dua Separuh Akhir adalah layak memasuki peringkat Akhir.

16.7 **Pertandingan Kelayakan**

Dalam peraturan (TR25.9) sekiranya bilangan penyertaan untuk acara padang terlalu ramai, satu pertandingan kelayakan akan dijalankan dan semua prosedur pelaksanaan pertandingan akan mengikut peraturan (TR25.10) hingga (TR25.16)

16.7.1 Sekiranya berlaku pertandingan kelayakan bagi acara-acara padang, jarak dan ketinggian kelayakan adalah berdasarkan ketetapan berikut :

Bil	Kategori Lelaki	Kelayakan	Kategori Wanita	Kelayakan
1	Lompat Tinggi	1.95m	Lompat Tinggi	1.55m
2	Lompat Jauh	6.60m	Lompat Jauh	5.15m
3	Lompat Kijang	14.10m	Lompat Kijang	10.90m
4	Lontar Peluru (7.260 kg)	13.50m	Lontar Peluru (4.0 kg)	8.80m
5	Lempar Cakera (2.0 kg)	39.00m	Lempar Cakera (1.0 kg)	26.00m
6	Merejam Lembing (800 gm)	49.00m	Merejam Lembing (600 gm)	31.50m

17.0 PEMBAHAGIAN LORONG

- 17.1 Semua pembahagian lorong akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Olahraga Sukan Sabah XI, Tawau 2025.
- 17.2 Bagi pusingan pertama, setiap peserta akan diundi untuk menentukan lorong masing-masing.
- 17.3 Penentuan pusingan/saringan seterusnya adalah berdasarkan peraturan (TR20.3) (Pusingan dan saringan)
- 17.4 Bagi penentuan lorong, undian akan dibuat seperti berikut:
- 17.4.1 Untuk larian lurus 4 *rangking* teratas diundi bagi Lorong 3,4,5,6, kemudian rangking ke 5 dan 6 akan diundi bagi Lorong 2 dan 7. Seterunya *rangking* ke 7 dan 8 akan diundi bagi Lorong 1 dan 8
 - 17.4.2 Untuk acara 200m, 3 *rangking* teratas diundi bagi Lorong 5,6,7. kemudian rangking ke 4, 5 dan 6 akan diundi bagi Lorong 3, 4 dan 8. Seterunya *rangking* ke 7 dan 8 akan diundi bagi Lorong 1 dan 2.
 - 17.4.3 Untuk acara 400m dan 800m, 4 *rangking* teratas diundi bagi Lorong 4,5,6,7. kemudian rangking ke 5 dan 6 akan diundi bagi Lorong 3, dan 8. Seterunya *rangking* ke 7 dan 8 akan diundi bagi Lorong 1 dan 2.
- 17.5 Kelayakan masuk akhir bagi acara 1.500m,3000m,5000m dan lari berhalangan adalah berdasarkan kedudukan BUKAN masa.
- 17.5.1 1500m, (atlet bermula 56) 2 separuh akhir. 6 orang peserta pemenang setiap larian akan masuk akhir
 - 17.5.2 3000m Lari berhalangan (atlet bermula 36) 3 separuh akhir. 5 orang peserta pemenang setiap larian akan masuk akhir
 - 17.5.3 5000m (atlet bermula 42) 2 separuh akhir. 8 orang peserta pemenang setiap larian akan masuk akhir
- 17.6 Peraturan 15.0 adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

18.0 PENGADIL/PEGAWAI PERTANDINGAN

- 18.1 Semua Pegawai Teknikal yang bertauliah akan dilantik oleh Persatuan Olahraga Negeri Sabah untuk bertugas di sepanjang pertandingan berlangsung.

18.2 Keputusan Pegawai Teknikal dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

19.0 BANTAHAN

- 19.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan berdasarkan peraturan 146-KOM (CR.8) Bantahan boleh dibuat dalam dua perkara, (1) Bantahan secara lisan terus kepada referi berkenaan dan jika tidak Berjaya, (2) Bantahan bertulis disertakan wang pertaruhan sebanyak **RM 200.00** kepada Jawatankuasa Juri Rayuan. Hanya Pengurus Pasukan/wakil kepada peserta sahaja dibenarkan membuat bantahan.
- 19.2 Wang pertaruhan akan lupsus jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 19.3 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta tidak lewat daripada :
 - 19.3.1 Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.
 - 19.3.2 Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.

20.0 JURI RAYUAN

- 20.1 Pelantikan Juri Rayuan dan prosedur aturcara mesyuarat adalah mengikut yang digunakan oleh Kesatuan Olahraga Malaysia.
- 20.2 Panel Juri Rayuan berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 20.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Panel Juri Rayuan Olahraga Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

21.0 KAWASAN PERTANDINGAN

- 21.1 Hanya pegawai-pegawai pertandingan yang bertugas dan peserta-peserta yang sedang bertanding sahaja dalam acara masing-masing dibenarkan berada dalam kawasan pertandingan.

22.0 HADIAH-HADIAH

- 22.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:

22.1.1 Kategori Lelaki:

Acara	Emas	Perak	Gangsa
100m	1	1	1
200m	1	1	1
400m	1	1	1
800m	1	1	1
1500m	1	1	1
3000m Lari Berhalangan	1	1	1
5000m	1	1	1
4x100m Lari Berganti	1(6)	1(6)	1(6)
4x400m Lari Berganti	1(6)	1(6)	1(6)
110m Lari Berpagar	1	1	1
400m Lari Berpagar	1	1	1
Lompat Tinggi	1	1	1
Lompat Jauh	1	1	1
Lompat Kijang	1	1	1
Lontar Peluru	1	1	1
Lempar Cakera	1	1	1
Merejam Lembing	1	1	1
Jumlah	17 (27)	17 (27)	17 (27)

22.1.2 Kategori Wanita:

Acara	Emas	Perak	Gangsa
100m	1	1	1
200m	1	1	1
400m	1	1	1
800m	1	1	1
1500m	1	1	1
5000m	1	1	1
3000m Lari Berhalangan	1	1	1
4x100m Lari Berganti	1(6)	1(6)	1(6)
4x400m Lari Berganti	1(6)	1(6)	1(6)
100m Lari Berpagar	1	1	1
400m Lari Berpagar	1	1	1
Lompat Tinggi	1	1	1
Lompat Jauh	1	1	1
Lompat Kijang	1	1	1
Lontar Peluru	1	1	1
Lempar Cakera	1	1	1
Merejam Lembing	1	1	1
Jumlah	17 (27)	17 (27)	17 (27)

22.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3.**

23. PESERTA TERBAIK

- 22.3 **Peserta terbaik Lelaki dan Wanita bagi Olahraga SAGA XI** akan dipilih berdasarkan pencapaian memenangi pingat emas individu dan mencatat rekod baru kejohanan
- 22.4 Status pencatatan rekod ikut rangking tertinggi Contoh Rekod Kebangsaan , Rekod SUKMA dan Rekod SAGA akan diambil kira.
- 22.5 Jika 2 atau lebih peserta memperolehi kutipan sama seperti 22.3/22.4 maka usia rekod akan diambil kira
- 22.6 Sekiranya tiada rekod dan pungutan pingat emas adalah sama, Bilangan pingat perak atau gangsa akan diambil kira
- 22.7 Jika kedudukan masih sama juga, maka kedua-duanya diisyihar sebagai peserta terbaik.